

# Semua IPTA disaran contohi kursus pancing UPM

Oleh Osman Lisut

**K**UALA LUMPUR: Institusi pengajian tinggi (IPT) yang mempunyai kemudahan berkaitan perikanan dan marin disaran mengikut jejak langkah Universiti Putra Malaysia (UPM) mewujudkan kursus memancing sebagai kokurikulum berkredit kepada pelajarannya, pada masa akan datang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr Adham Baba, berkata kursus memancing yang termasuk dalam modul kemahiran insaniah (KI) yang dipersetujui kementerian itu dilihat bersesuaian kerana dapat membentuk ketrampilan diri pelajar.

"Kokurikulum ini mendedahkan pelajar akan konsep kesabaran, mempunyai daya usaha, kreatif dan berani mencuba seperti diamalkan dalam memancing. Ia sekali gus menjadikan pelajar terbahit lebih bersedia apabila kecewa selepas gagal memperoleh pekerjaan setaraf dengan akademik mereka, pada masa sama dapat menangani isu graduan menganggur.

"Jadi, mana-mana IPT yang mempunyai kemudahan kolam seperti UPM atau berkaitan dengan marin digalakkan menyediakan kursus berkenaan," katanya ketika dihubungi JORAN, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas diminta mengulas inisiatif UPM yang menawarkan kursus itu kepada kira-kira 150 pelajar Sesi 2008 universiti berkenaan sebagai memenuhi prasyarat untuk melayakkan mereka menamatkan pengajian nanti.

Kursus itu adalah julung kali diadakan oleh sebuah universiti tempatan. Dalam kenyataan Unit Perhubungan Awam UPM, kursus itu merangkumi tujuh komponen iaitu Wajadiri;



Keusahawanan dan Teknologi; Sukan dan Rekreasi; Badan Beruniform, Kesenian dan Kebudayaan; Ketrampilan dan Kepimpinan; serta Kemasyarakatan dan Hubungan Komuniti. Kursus memancing termasuk dalam kursus Sukan dan Rekreasi.

Kursus itu merangkumi pengetahuan berkaitan aktiviti memancing seperti keperluan asas, peralatan utama aktiviti memancing, penjagaan peralatan pancing, spesifikasi dan had binaan peralatan, teknik ikatan, keselamatan ketika memancing, lokasi memancing, jenis dan habitat ikan, mengenali dan membuat umpan, pengendalian kaedah 'tangkap dan lepas', teknik-teknik memancing dan melaksanakan ekspedisi memancing.

Kemuncak kursus ini ialah pertandingan memancing di kalangan pelajar pada akhir sesi kelak.

Dr Adham berkata, kajian kement-

**“Kursus memancing yang termasuk dalam modul kemahiran insaniah (KI) yang dipersetujui kementerian itu dilihat bersesuaian kerana dapat membentuk ketrampilan diri pelajar”**

**Dr Adham Baba**  
Setiausaha Parlimen  
Kementerian Pengajian Tinggi

riannya mendapati ramai pelajar lemah atau kurang mahir dalam komunikasi dan persembahan ketika memohon pekerjaan, menyebabkan mereka sukar menyaingi rakan yang setaraf tetapi memiliki kemahiran insaniah ini.

"Jadi mereka sering menyerahkan kepada takdir, walhal kemahiran insaniah ini boleh dibentuk," katanya.

Sementara itu, wakil IGFA Semenanjung Malaysia, Aziz Daud, berkata kokurikulum itu amat baik sekiranya dapat mendidik pelajar universiti betapa pentingnya menjaga, memulihara dan mengekalkan spesies ikan di negara ini.

"Saya berharap kokurikulum seumpama ini dapat menjadikan memancing pada masa akan datang lebih beretika dan kalau boleh elemen pemuliharaan spesies ikan dijadikan antara mata pelajarannya yang diajar.

"Ia secara tidak langsung dapat

memastikan sumber ikan di negara ini tidak pupus, gara-gara sikap rakus memancing itu sendiri. Penekanan utama yang harus diserapkan kepada pelajar ialah konsep tangkap dan lepas kerana ia boleh mengekalkan populasi ikan terutama yang menghadapi kepupusan," katanya.

Aziz berkata, menjadi harapannya tenaga pengajar kepada kokurikulum ini, terdiri mereka yang mempunyai latar belakang memancing yang beretika dan benar-benar memahami aktiviti ini.

Bagi Presiden Persatuan Memancing Malaysia (PeMM), Mejar (B) Ismail Feisol, kokurikulum ini perlu disokong semua pihak kerana ia mengajar seseorang supaya perlu bersabar untuk memperoleh sebarang kejayaan, seperti belajar bersungguh-sungguh bagi mendapat keputusan yang baik.

"Kita jangan melihat memancing sekadar aktiviti masa lapang saja. Sebaliknya, memancing mempunyai tiga konsep iaitu mengajar kita bersabar jika ingin memperoleh hasil yang lumayan. Pada masa sama, aktiviti memerlukan kita melakukan penyelidikan dan metodologi terhadap ikan yang ingin dipancing.

"Kedua, mengajar peserta menjaga khazanah alam kerana mereka secara langsung melihat perubahan bumi apabila menjelajah sungai dan hutan rimba untuk memancing. Hanya keluar memancing saja kita dapat tahu air sungai tercemar atau sebaliknya dan bukit digondol serta pokok-pokok hutan ditebang, mereka seharusnya menjadi mata dan telinga pihak berkuasa.

"Ketiga, mereka perlu melihat memancing bukan lagi sebagai satu sukan, sebaliknya industri. Pelajar harus melihat kesannya kepada peningkatan ekonomi negara dan tidak rugi jika menyertainya," katanya.